

(i)

'BUSINESS RESEARCH'

Laporan Mengenai

Kajian Terhadap Konsep 'Mobile Hawkers Chain'

Penjualan Makanan/Masakan Melayu Di Kuala Lumpur

Disediakan oleh:	Burhanuddin Hj. Buyong	DBS 6D
	Haniza Hussain	DBS 6D
	Nor Azlina Ahmad	DBS 6D
	Rosman Mohd Zain	DBS 6I
	Zainal Abidin Sulaiman	DBS 6C
	Zainal Azmi Abdul Rahman	DBS 6C

Diserahkan kepada: **Pensyarah Business Research**

Sebagai memenuhi sebahagian

daripada syarat untuk

mendapatkan

DIPLOMA

PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN

Institut Teknologi Mara,

Kajian Perniagaan dan Pengurusan,

Shah Alam,

Selangor.

November, 1986.

PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah s.w.t yang telah mengurniakan kami pertolongan serta ilham bagi menjayakan kajian ini. Kajian ini tidak akan dapat dijayakan tanpa gabungan tenaga dan idea dari berbagai pihak.

Pertama sekali kami ingin merakamkan rasa penghargaan kami terhadap Puan Za'afraan Hassan, Pensyarah 'Business Research' dari Kajian Perniagaan dan Pengurusan yang telah memberi panduan dan bimbingan kepada kami mengenai cara-cara menjalankan operasi kajian ini secara keseluruhan.

Setinggi-tinggi penghargaan juga kami khususkan kepada penasihat kami, Puan Wan Jooria Hood, pensyarah dari Kajian Perniagaan dan Pengurusan. Kami ucapkan 'JAZAKALLAHU KHAIRAN KATHIRA' di atas segala bentuk bantuan, bimbingan, galakan, kritikan yang membina serta memberi semangat untuk kami meneruskan kajian dengan seberapa sempurna yang mungkin.

Penghargaan kami adalah juga kepada Encik Juhari Ahad dari Kajian Sains Matematik dan Komputer yang merupakan 'co-advisor' bagi kumpulan ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga kami rakamkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan kerjasama mereka untuk memudahkan serba sedikit kerja kami terutama kepada:-

Isi Kandungan

Tajuk Muka	i
Sekapur Sireh	ii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	vii
Senarai Jadual	x
Senarai Gambarajah Dan Senarai Rajah	xii
Pendahuluan	xiv
Bahagian I: <u>Pengenalan Terhadap Perniagaan Penjaja</u>	
1.1 Sejarah perkembangan Penjajaan Di Malaysia.	1
1.2 Perkembangan Sebenar Aktiviti-aktiviti Perniagaan. Dan Perkembangan Semasa Penjaja-penjaja Di Sekitar Kuala Lumpur.	2
1.3 Bimbingan Dari Persatuan Penjaja.	5
1.4 Peranan Kerajaan Dalam Strategi Mencapai Dasar Ekonomi Baru.	7
1.5 Jenis-jenis Masakan Berbagai Kaum.	8
1.6 Kesimpulan.	ii
Bahagian 2: <u>Pengenalan Kajian</u>	
2.1 Penyata Masalah	13
2.2 Objektif	14
2.3 Hipotesis	15
2.4 Andaian-andaian	15
2.5 Methodologi	16

2.6	Batasan-batasan Kajian	20
2.7	Definasi Istilah	23
<b>Bahagian 3: <u>Penemuan Dan Analisa</u></b>		
<b>3.1 <u>Temubual</u></b>		
3.1.1	En. Ismail Hamzah Pengurus Restoran Jelira.	25
3.1.2	Pihak Persatuan Penjaja Dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan.	31
3.1.3	Pihak Jabatan Pengurusan Penjaja Dewan Bandaraya.	36
3.1.4	Pihak Bahagian Kenderaan Barang-barang JPJ Malaysia.	41
3.1.5	Beberapa Orang Kakitangan Pejabat Di Lokasi- lokasi Sample.	45
3.2	<u>Soal Selidik</u>	47
<b>Bahagian 4: <u>Interpretasi Penemuan</u></b>		105
<b>Bahagian 5: <u>Pembuktian Hipotesis</u></b>		
5.1	Pembuktian Hipotesis 1	132
5.2	Pembuktian Hipotesis 2	134
5.3	Pembuktian Hipotesis 3	135
5.4	Pembuktian Hipotesis 4	136
5.5	Pembuktian Hipotesis 5	138
<b>Bahagian 6: <u>Prospek Dan Kesimpulan</u></b>		140

PENDAHULUAN

Kuala Lumpur, kota metropolitan di Malaysia kini sedang mengalami perkembangan pesat dari segi infrastruktur dan juga pertambahan penduduk yang pesat. Maka seperti bandar-bandar lain, Kuala Lumpur tidak dapat dikecualikan daripada kegemilangan cahaya kota terutama disepanjang jalanraya, lorong-lorong dan tempat-tempat tumpuan orang ramai seperti dipusat-pusat membeli-belah. Oleh itu wajarlah disediakan perkhidmatan yang dapat memberikan keselesaan kepada penduduknya.

Kuala Lumpur dengan berbagai aktiviti perniagaan dan pembangunan industri tidak boleh tidak menitikberatkan satu kategori yang paling istimewa iaitu para penjaja terutama sekali penjaja-penjaja Bumi-putera. Kerajaan Malaysia baru-baru ini telah menerima penjaja-penjaja sebagai sebahagian daripada kehidupan masyarakat Malaysia. Kerajaan Malaysia juga telah mengiktirafkan bahawa penjaja-penjaja menyumbangkan suatu perkhidmatan yang berguna dengan mengadakan makanan dan barangan yang mudah dan murah kepada masyarakat umum. Dengan ertikata lain mereka dapat membantu membasmi inflasi<sup>(1)</sup>.

Penjaja-penjaja dimana-manapun adalah merupakan suatu tarikan dan tetap menarik minat sama ada kepada para pengunjung di dalam mahupun diluar negeri. Tanpa penjaja-penjaja tersebut, lorong-lorong akan menjadi sunyi sepi dan tidak menarik<sup>(2)</sup>.

---

(1) Malay Mail, 'Helping Hawkers' Wednesday, March 19, 1980.

(2) News Straits Times, 'Food Emporiums' February 6, 1980.